

18 NOV 2002

Selangor-Pelancong

PELANCONG ASING KE SELANGOR MEROSOT 30 PERATUS SEJAK DUA BULAN LEPAS

SHAH ALAM, 18 Nov (Bernama) -- Kehadiran pelancong asing ke Selangor merosot 30 peratus sejak dua bulan lepas daripada anggaran kedatangan 1.5 juta orang setiap bulan ke negeri itu, kata Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Datuk Lum Weng Keong.

Beliau berkata ini berikutan kejadian pengeboman di negara jiran dan laporan negatif terhadap negara.

Pengeboman di Kuta, Bali dan juga ketidaktentuan mengenai kemungkinan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq, turut memberi kesan negatif kepada kedatangan pelancong, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

"Mulai April tahun ini kita dapati bilangan pelancong asing yang datang ke negeri ini meningkat sehingga 1.5 juta orang sebulan berbanding jumlah selepas kejadian serangan 11 Sept di Amerika Syarikat. Jumlah itu merosot sejak dua bulan lepas selepas beberapa kejadian yang berlaku," katanya.

Lum berkata beliau yang menyertai lawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir ke Switzerland dan Itali bulan lepas, mendapati hampir setiap hari ada berita negatif yang dipaparkan oleh akhbar negara-negara berkenaan mengenai rantau ini.

Katanya menerusi lawatan itu juga, Selangor berusaha menarik lebih banyak pelancong dari Eropah yang dilihat sebagai potensi baru pelancongan.

Misalnya, Thailand berupaya menarik kedatangan 500,000 orang warga Jerman setiap tahun berbanding tidak sampai 5,000 rakyat negara itu yang melawat Malaysia pada tempoh sama, tambahnya.

Sementara itu beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan serentak Persidangan Agung Persahabatan Budhis Sedunia yang ke-22 dan Persidangan Agung Persahabatan Belia Budhis Sedunia ke-13 di sebuah hotel di sini.

Persidangan dwitahunan selama lima hari itu yang bermula 9 Dis dijangka dihadiri 570 orang peserta dari dalam dan luar negara. Ini merupakan kali kedua Malaysia menganjurkan persidangan itu sejak 1969.

-- BERNAMA

SHS HM